
HFF225/2 – FALSAFAH DAN ISU SEMASA (PELAJAR TEMPATAN)

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Falsafah digunakan sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai seponya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

2. HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir kursus, pelajar dapat:

BIL	HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	PLO	LT	SS	KAEDAH PENILAIAN
CLO1	Menjelaskan isu semasa berlandaskan ilmu falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara	PLO1	C2		Kuiz Ujian
CLO2	Menerangkan isu semasa berdasarkan aliran pemikiran utama dalam pelbagai aliran falsafah	PLO3	A3	CTPS1	Pembentangan
CLO3	Menghuraikan isu semasa melalui perspektif perbandingan nilai falsafah sebagai asas bagi menjalinkan dialog antara budaya.	PLO6	A4	EM1	Esei

3. TENAGA PENGAJAR (PELAJAR TEMPATAN)

NAMA			WAKTU PERUNDINGAN
Dr. Mohd Syahmir Alias (Penyelaras)	04-6532871	syahmir@usm.my	Melalui temu janji – e-mel
Profesor Madya Dr. Aiza Maslan @ Baharudin	04-6532874	aizamaslan@usm.my	
Profesor Madya Dr. Suhaila Abdullah	04-6535172	aila@usm.my	
Dr. Shohana Hussin	04-6535885	shohana@usm.my	
Dr. Mujahid Bakar	09-7677788	mujahid@usm.my	
Dr. Muhammad Syahrul Fitri Zawawi	09-7676974	msf.zawawi@usm.my	

4. WAKTU KULIAH

PERTEMUAN	HARI	MASA	TEMPAT
Kuliah	Selasa	8.00 – 9.50 pagi	Portal e-Learning
Secara dalam talian – segerak atau tidak segerak			

5. PERANCANGAN KULIAH

Kursus akan diberikan dalam bentuk kuliah secara dalam talian. Maklumat tambahan dan sebarang perubahan pelaksanaan kuliah akan dimaklumkan menerusi portal e-Learning dari semasa ke semasa.

MINGGU/ KAEDAH KULIAH	TOPIK KULIAH	PENSYARAH
1 Kuliah Segerak	Falsafah dalam Kehidupan	Prof. Madya Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
2 Kuliah Segerak	Pengenalan kepada Ilmu Falsafah, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara	Prof. Madya Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
3 Kuliah Tidak Segerak	Kaedah-Kaedah Berfikir (I)	Prof. Madya Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
4 Kuliah Tidak Segerak	Kaedah-Kaedah Berfikir (II)	Prof. Madya Dr. Aiza Maslan @ Baharudin
5 Kuliah Segerak	Metafizik (I)	Dr. Shohana Hussin
6 Kuliah Segerak	Metafizik (II)	Dr. Shohana Hussin
7 Kuliah Tidak Segerak	Psikologi dan Sosiologi (I)	Dr. Shohana Hussin
8	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
9 Kuliah Tidak Segerak	Psikologi dan Sosiologi (II)	Dr. Shohana Hussin
10 Kuliah Segerak	Epistemologi (I)	Dr. Mujahid Bakar
11 Kuliah Tidak Segerak	Epistemologi (II)	Dr. Mujahid Bakar
12 Kuliah Segerak	Ideologi (I)	Dr. Muhamad Syahrul Fitri Zawawi
13 Kuliah Tidak Segerak	Ideologi (II)	Dr. Muhamad Syahrul Fitri Zawawi
14 Kuliah Segerak	Dekolonisasi	Prof. Madya Dr. Suhaila Abdullah
15 Kuliah Tidak Segerak	Kajian Kes Terpilih	Prof. Madya Dr. Suhaila Abdullah

5.1. KEHADIRAN

- Pelajar yang tidak menanda kehadiran kuliah dan tidak menghantar kesemua komponen tugas (kecuali mempunyai alasan kukuh) akan diberi gred X.
- Pelajar dikehendaki terlibat dengan semua kuliah dalam talian dengan sentiasa meneliti portal e-Learning USM dan maklumat melalui kumpulan Telegram HFF225 (2025/2026).

6. PENILAIAN KURSUS

Penilaian kursus ini ialah 100% kerja kursus yang dibahagikan seperti berikut:

AKTIVITI	MARKAH	TARIKH PELAKSANAAN/ PENYERAHAN	KAEDAH
Kuiz	10%	Minggu ke-7 17 – 21 Nov 2025 (Isnin – Jumaat)	Secara individu.
Esei	30%	Minggu ke-11	Secara berkumpulan.
Pembentangan	30%	Minggu ke-12	Secara berkumpulan.
Ujian	30%	Minggu ke-15 12 – 16 Jan 2026 (Isnin – Jumaat)	Secara individu.

7. GARIS PANDUAN KERJA KURSUS

7.1. Kuiz (10%) – Pelaksanaan di Portal e-Learning

1. Dilaksanakan secara individu.
2. Dilaksanakan secara dalam talian di **portal e-Learning**.
3. Dilaksanakan pada **minggu ke-7**, dibuka dari **17 – 21 NOVEMBER 2025 (ISNIN – JUMAAT)**.
4. Soalan meliputi topik-topik dari minggu pertama hingga minggu ke-6.

PERHATIAN: Pelajar bertanggungjawab penuh melaksanakan **KUIZ** secara dalam talian pada tarikh dan masa yang ditetapkan kerana **TIADA ULANGAN KUIZ** akan dibuat.

7.2. Ujian (30%) – Pelaksanaan di Portal e-Learning

1. Dijalankan secara individu.
2. Dilaksanakan secara dalam talian di **portal e-Learning**.
3. Dilaksanakan pada **minggu ke-15**, dibuka dari **12 – 16 JANUARI 2026 (ISNIN – JUMAAT)**.
4. Soalan meliputi **semua topik** yang dipelajari dalam kursus ini.

PERHATIAN: Pelajar bertanggungjawab penuh melaksanakan **UJIAN** secara dalam talian pada tarikh dan masa yang ditetapkan kerana **TIADA ULANGAN UJIAN** akan dibuat.

7.3. Esei (30%) – Pelaksanaan di Pusat Pengajian Masing-Masing

1. Dilaksanakan secara berkumpulan: pelajar dibahagikan kepada kumpulan yang mengandungi 4-5 orang.
2. Pemarkahan esei dinilai oleh **penyelia yang dilantik di setiap pusat pengajian pelajar**.
3. Berdasarkan tajuk kajian yang dipilih, pelajar perlu memberi cadangan tajuk kepada penyelia dan penyelia akan menentukan kesesuaian dan kelulusan tajuk tersebut.
4. Pelajar dikehendaki menyediakan sebuah esei sekitar 15-20 halaman atau 5,000-8,000 patah perkataan.
5. Esei hendaklah ditaip dengan menggunakan saiz fon 12 *Times New Roman* dan langkau dua baris.
6. Esei mesti mempunyai senarai rujukan atau bibliografi yang menyenaraikan dengan lengkap semua rujukan yang telah digunakan. Esei mesti mempunyai rujukan gaya APA.

Rubrik Pemarkahan Esei

KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT DARIPADA 30 MARKAH	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CEMERLANG	MARKAH MAKSIMUM
		0	1	2	3	
1. Tajuk	10%	Tidak menarik dan terlampau umum.	Menarik, tetapi terlampau umum.	Menarik dan spesifik.	Menarik, spesifik, unik dan memberi gambaran penyelidikan yang impresif.	3
2. Data	30%	Tidak mencukupi.	Cukup tetapi mempunyai masalah dalam kesahihan data yang dikutip.	Cukup dan kesahihan data tidak boleh dipertikaikan.	Cukup, data yang sahih, relevan dan saling berhubung kait.	9
3. Organisasi	10%	Tidak teratur.	Teratur tetapi tidak cukup pecahan bahagian.	Teratur dan bilangan bahagian yang mencukupi.	Struktur yang teratur, dan susunan bahagian yang koheren.	3
4. Analisis dan Penghujahan	30%	Tiada analisis; hanya berbentuk deskriptif.	Analisis yang agak cetek.	Analisis yang sesuai dan mencukupi.	Analisis yang mendalam dengan penghujahan yang canggih dan seimbang.	9
5. Rujukan	10%	Tiada sitasi.	Sitasi tidak lengkap; beberapa sumber tiada sitasi.	Format sitasi yang baik, tetapi bilangan sumber kecil.	Format yang baik, konsisten, bilangan sumber yang cukup dan sesuai.	3
6. Ejaan dan Bahasa	10%	Banyak kesilapan ejaan dan bahasa.	Terdapat beberapa kesilapan ejaan dan bahasa.	Ketepatan ejaan dan bahasa.	Tiada kesilapan, dengan gaya penulisan ilmiah.	3
Jumlah	100%					30

7.4. Pembentangan (30%) – Pelaksanaan di Pusat Pengajian Masing-Masing

1. Dilaksanakan secara berkumpulan: kumpulan yang sama dengan esei.
2. Pemarkahan pembentangan dinilai oleh **penyelia yang dilantik di setiap pusat pengajian pelajar**.
3. Pelajar perlu menyampaikan hasil penyelidikan kepada penyelia untuk diberi maklum balas.
4. Pembentangan boleh dijalankan secara bersemuka atau secara dalam talian yang ditentukan melalui perbincangan dengan penyelia masing-masing.
5. Pelajar perlu menyerahkan bahan pembentangan kepada penyelia dalam bentuk salinan elektronik sebelum pembentangan dijalankan.
6. Pelajar diberikan masa untuk membentangkan sekitar 10 – 15 minit.
7. Pembentangan hendaklah melibatkan semua ahli kumpulan.

Rubrik Pemarkahan Pembentangan

KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT DARIPADA 30 MARKAH	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CEMERLANG	MARKAH
		0	1	2	3	
1. Tajuk	10%	Tidak menarik & terlampau umum.	Menarik, tetapi masih terlampau umum.	Menarik & spesifik.	Menarik, spesifik, unik, dan memberi gambaran penyelidikan yang impresif.	3
2. Tarikan Visual dan Organisasi Penyampaian	20%	Tidak menarik.	Cukup menarik tetapi organisasi bahan tidak secara teratur.	Cukup menarik.	Daya tarikan visual yang tinggi dengan organisasi bahan secara teratur.	6
3. Gaya Penyampaian	30%	Tidak menunjukkan minat dalam penyampaian.	Penyampaian yang sederhana.	Penyampaian yang jelas dan koheren.	Penyampaian yang jelas, koheren dan mengekalkan minat hadirin.	9
4. Ketepatan Kandungan dengan Hasil Kajian	20%	Bahan yang tidak relevan.	Kandungan menepati hasil penyelidikan tetapi penyampaian informasi tidak jelas.	Kebanyakan informasi hasil penyelidikan telah diliputi.	Penyampaian maklumat secara komprehensif, cukup jelas dan teratur.	6
5. Kedinamikan Kumpulan	20%	Tiada kerjasama antara ahli kumpulan.	Setiap ahli kumpulan melibatkan diri tetapi ada yang hanya membaca teks.	Mempunyai persiapan yang cukup.	Kerjasama semua ahli kumpulan sangat baik.	6
Jumlah	100%					30

8. PERANCANGAN AKTIVITI KERJA KURSUS BERKUMPULAN YANG DILAKSANAKAN DI PUSAT PENGAJIAN PELAJAR MASING-MASING

MINGGU	AKTIVITI
3 – 4	Penentuan penyelia dan kumpulan pelajar. Perbincangan dalam kumpulan dan penetapan tajuk tugas bersama penyelia.
5 – 7	Kerja penyelidikan dan penulisan esei.
8	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER
9 – 10	Kerja penyelidikan dan penulisan esei.
11	Penyerahan esei kepada penyelia.
12	Pembentangan hasil penyelidikan kepada penyelia.
13 – 15	Penyelia menyerahkan markah kepada wakil penyelaras pusat pengajian masing-masing.

9. CADANGAN TEMA/TOPIK UNTUK KERJA KURSUS BERKUMPULAN

BIL.	TOPIK	TEMA
1	Isu berkaitan etika alam sekitar dan kelestarian global	Etika dan Alam Sekitar
2	Isu berkaitan perubahan iklim dan tanggungjawab moral generasi kini	
3	Isu berkaitan teknologi hijau dan falsafah pembangunan mampan	
4	Isu berkaitan bioetika dalam bidang perubatan moden	
5	Isu berkaitan pembangunan bandar lestari dan hak generasi akan datang	
6	Isu berkaitan tanggungjawab moral terhadap kepupusan biodiversiti	
7	Isu berkaitan kecerdasan buatan (AI) dan implikasi etika	Teknologi dan Dunia Digital
8	Isu berkaitan impak Revolusi Industri 4.0 dan transformasi digital	
9	Isu berkaitan teknologi media sosial dan kesannya terhadap pemikiran masyarakat	
10	Isu berkaitan privasi data dan kebebasan individu dalam dunia digital	
11	Isu berkaitan etika penggunaan robot dalam kehidupan seharian	
12	Isu berkaitan ketidaksamaan digital dan jurang teknologi global	

BIL.	TOPIK	TEMA
13	Isu berkaitan agama, identiti dan keharmonian masyarakat majmuk	Masyarakat, Budaya dan Agama
14	Isu berkaitan persepsi pelajar terhadap disiplin falsafah	
15	Isu berkaitan penghayatan seni dan budaya dalam masyarakat kontemporari	
16	Isu berkaitan globalisasi dan cabarannya terhadap identiti kebangsaan	
17	Isu berkaitan budaya konsumerisme dan falsafah kesederhanaan	
18	Isu berkaitan gender, kesaksamaan dan hak asasi manusia	
19	Isu berkaitan pemerintahan, demokrasi dan politik setempat	Politik, Keadilan dan Sosial
20	Isu berkaitan krisis geopolitik dan falsafah keamanan sejagat	
21	Isu berkaitan peperangan moden dan penghapusan etnik	
22	Isu berkaitan kemiskinan, keadilan sosial dan tanggungjawab moral	
23	Isu berkaitan radikalisme, ekstremisme dan dialog antara tamadun	
24	Isu berkaitan migrasi global, pelarian dan hak kemanusiaan	
25	Isu berkaitan matlamat pendidikan dan pembentukan insan holistik	Pendidikan dan Falsafah Kehidupan
26	Isu berkaitan pandemik global dan cabaran pasca COVID-19	
27	Isu berkaitan kepentingan pemikiran kritis untuk pembangunan individu dan negara	
28	Isu berkaitan pencarian makna hidup dalam kalangan pelajar universiti	
29	Isu berkaitan keseorangan/kesepian (<i>loneliness</i>) sebagai epidemik global	
30	Isu berkaitan kesejahteraan hidup dan falsafah kebahagiaan manusia	
- ATAU apa-apa isu semasa yang mempunyai dampak yang luas, dicadangkan oleh kumpulan pelajar serta mendapat kelulusan penyelia. - Kerja penyelidikan berkumpulan boleh dilaksanakan sama ada melalui kaedah pengumpulan data empirikal/ kajian lapangan ataupun kajian perpustakaan/kajian teks (konseptual atau teoretikal).		

10. PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN TUGASAN

- i) Setiap kumpulan akan diletakkan di bawah seorang penyelia yang dilantik oleh pihak pusat pengajian masing-masing.
- ii) Pelajar boleh mendapatkan nama penyelia di pusat pengajian masing-masing bermula pada minggu kedua.
- iii) Setiap kumpulan akan memilih satu topik yang sama untuk pembentangan dan tugas.
- iv) Pelajar perlu berbincang dan berhubung dengan penyelia berkaitan perkembangan aktiviti kumpulan dari masa ke semasa.
- v) Penyelia akan memantau kemajuan aktiviti pelaksanaan kerja kursus pelajar mengikut jadual gerak kerja yang disediakan.
- vi) **Sebarang persoalan dan aduan berkaitan penyeliaan kumpulan boleh dimajukan kepada Ketua Penyelia** (Wakil Penyelaras) mengikut pusat pengajian masing-masing seperti yang disenaraikan seperti berikut.

11. SENARAI NAMA KETUA PENYELIA (WAKIL PENYELARAS) BAGI SETIAP PUSAT PENGAJIAN

BIL	PUSAT PENGAJIAN	NAMA KETUA PENYELIA	E-MEL
1.	Ilmu Kemanusiaan	Dr. Mohd Syahmir Alias	syahmir@usm.my
2.	Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Dr. Izyan Yahaya	izyanyahaya@usm.my
3.	Sains Farmasi	Dr. Noratiqah Mohtar	noratiqah@usm.my
4.	Sains Fizik	Dr. Idahwati Sarudin	idahwati@usm.my
5.	Teknologi Industri	Profesor Madya Dr. Tan Joo Shun	jooshun@usm.my
6.	Sains Kajihayat	Dr. Azlinda Abu Bakar	azlindaab@usm.my
7.		Profesor Madya Dr. Asyraf Mansor	asyrafm@usm.my
8.	Sains Kimia	Dr. Ahmad Faiz Abdul Latip	afaiz@usm.my
9.	Pengurusan	Dr. Rosmelisa Yusof	rosmelisa@usm.my
10.	Ilmu Pendidikan	Dr. Chin Huan	chinhuan@usm.my
11.	Sains Kemasyarakatan	Dr. Sharifah Zahhura Syed Abdullah	zahhura@usm.my
12.	Komunikasi	Dr. Rani Ann Balaraman	rani_balaraman@usm.my
13.	Sains Komputer	Profesor Madya Dr. Manmeet Kaur Mahinderjit Singh	manmeet@usm.my
14.	Sains Matematik	Dr. Ong Wen Eng	weneng@usm.my
15.	Seni	Dr. Mohammad Kamal Sabran	kamalsabran@usm.my
16.	Bahasa, Literasi dan Terjemahan	Puan Nadia Roselilyana Noordin	nadiarose@usm.my
17.	Sains Perubatan	Dr. Ramlah Kadir	ramlahkadir@usm.my
18.	Sains Pergigian	Dr. Zainab Mat Yudin@Badrin	drzainab@usm.my

19.	Sains Kesihatan	Dr. Mujahid Bakar	mujahid@usm.my
20.	Program Perubatan USM-KLE, India	Profesor Madya Dr. Nik Ahmad Zuky Nik Lah	nikzuky@usm.my
21.		Puan Nurfareza Sukri (Pentadbir)	nurfareza@usm.my
22.	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju	Profesor Madya Dr. Ch'ng Ewe Seng	eschng@usm.my
23.	Kejuruteraan Aeroangkasa	Dr. Mohammad Hafifi Hafiz Ishaik	mhafifihafiz@usm.my
24.	Kejuruteraan Awam	Ts. Dr. Fatehah Omar	cefatehah@usm.my
25.	Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	Ir. Mohamad Azwan Mad Naseer	srazwan@usm.my
26.	Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Profesor Madya Dr. Muhammad Nasiruddin Mahyuddin	nasiruddin@usm.my
27.	Kejuruteraan Kimia	Dr. Muhamad Nazri Murat	chnazri@usm.my
28.	Kejuruteraan Mekanik	Profesor Madya Dr. Teoh Yew Heng	yewhengteoh@usm.my
29.	Pendidikan Jarak Jauh	Profesor Madya Dr. Shaik Abdullah Hassan Mydin	abdullah@usm.my

12. PERINGATAN PENTING

1. Capaian kepada portal e-Learning adalah **WAJIB**. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta semua informasi berkaitan kursus ini menggunakan kaedah dalam talian.
2. Pelajar perlu menanda kehadiran secara dalam talian melalui portal e-Learning mengikut ketetapan jadual kuliah yang telah ditetapkan.
3. Komponen kerja kursus **KUIZ** dan **UJIAN** akan dijalankan **SERENTAK** bagi **SEMUA KAMPUS** dan **TIADA ULANGAN**.
4. Pelajar yang gagal melaksanakan kesemua komponen kerja kursus (tanpa alasan yang kukuh) akan diberikan gred F.
5. Pelajar perlu memperolehi sekurang-kurangnya **gred C** untuk memenuhi syarat pengijazahan.

13. BAHAN RUJUKAN

Rujukan Modul Universiti

1. Amran Muhammad (Ed.). (2022). *Modul falsafah & isu semasa*. Islamic and Strategic Studies Institute (ISSI).
2. Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Syarifudin Abdullah, & Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi. (2022). *Pengantar falsafah dan isu semasa: Rujukan mahasiswa universiti awam & swasta*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
3. Noor Hisham Md Nawawi (Ed.). (2020). *Modul falsafah dan isu semasa*. Penerbit UMK.
4. Nor Hanani Ismail, Rukhaiyah Abd. Wahab, Syahrina Abdullah, & Mohd Hazim Shah Abdul Murad. (2021). *Falsafah dan isu semasa*. UUM Press.
5. Ros Aiza Mohd Mokhtar & Latifah Abdul Latiff (Eds.). (2022). *Falsafah & isu semasa*. Penerbit USIM.

Rujukan Pengayaan

1. Collinson, D., Plant, K., & Wilkinson, R. (2000). *Fifty Eastern thinkers*. Routledge.
2. Dzulkifli, A. R., & Rosnani, H. (Eds.). (2019). *Pentafsiran baharu falsafah pendidikan kebangsaan dan pelaksanaannya pasca 2020*. International Islamic University Malaysia Press.
3. Haldane, J. (2009). *Practical philosophy: Ethics, society and culture*. Imprint Academic.
4. Pigliucci, M., Cleary, S. C., & Kaufman, D. A. (Eds.). (2020). *How to live a good life: A guide to choosing your personal philosophy*. Vintage Books.

SELAMAT MENGIKUTI KURSUS DAN SELAMAT MAJU JAYA!

DISEDIAKAN OLEH:

DR. MOHD SYAHMIR ALIAS
(PENYELARAS KURSUS HFF225)